

Siap siaga masalah banjir kilat menjelang ASEAN 2025

KUALA LUMPUR – Kesiapsiagaan berdepan dengan bah khususnya banjir kilat di ibu negara menjadi keutamaan menjelang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, tindakan itu melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan ter-

masuk Jabatan Meteorologi serta Jabatan Pengairan dan Saliran.

“Sebagai tindakan jangka pendek, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyelaraskan tindakan pembersihan sistem saliran seperti longkang dan premis di kawasan terjejas banjir.

“DBKL juga kini meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran seperti kolam takungan banjir terbuka, kolam

takungan Bawah tanah (OSD), penyelenggaraan sungai, parit induk dan longkang di tepi jalan,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Onn Abu Bakar (**PH-Batu Pahat**) mengenai tahap kesediaan Kuala Lumpur bagi Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 memandangkan isu banjir kilat belum selesai.

Zaliha berkata, dalam usaha jangka sederhana menghadapi insiden banjir kilat di Kuala Lumpur, DBKL telah menyelenggara sebanyak 15 kolam takungan banjir terbuka dan sembilan kolam tertutup bawah tanah.

Menurut beliau, semua kolam takungan banjir telah dilakukan pengorekan kelodak mengikut keperluan semasa dan jadual berkala.

Malah katanya, longkang-longkang tepi jalan turut dinaik taraf bukaan sesalur bagi mengurangkan implikasi banjir kilat.

Ujar beliau, untuk tindakan jangka panjang, pada tahun 2022 dan 2023 sebanyak tujuh projek mitigasi banjir telah siap, manakala pada tahun ini terdapat 14 projek iaitu dua sudah siap, empat dalam pelaksanaan dan lapan di peringkat analisa tender.